

Anwar menghadap Majlis Raja-Raja

Petaling Jaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, menghadap Majlis Raja-Raja di Istana Negara bagi memaklumkan perkembangan semasa negara, antaranya mengenai Sidang Kemuncak ASEAN ke-47, isu Gaza dan Belanjawan 2026.

Perdana Menteri berkata, pada mesyuarat pramajlis yang biasa diadakan itu, beliau memaklumkan mengenai lawatan pemimpin dunia pada Sidang Kemuncak ASEAN yang akan berlangsung pada akhir bulan ini, termasuk kehadiran Presi-

den Amerika Syarikat (AS), Donald Trump.

“Selain itu, pendirian Malaysia mengenai cadangan perdana maian Gaza yang dipelopori Presiden Trump dan beberapa isu dasar, termasuk persiapan Belanjawan 2026,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan ASEAN mengenai Perkhidmatan Awam Yang Bersedia Untuk Masa Depan, di sini, semalam.

Pagi semalam, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari

Abdul memaklumkan, Sesi Waktu Pertanyaan Menteri pada sidang Dewan Rakyat diadakan susulan Perdana Menteri dititah oleh Majlis Raja-Raja untuk hadir ke Istana Negara.

Perdana Menteri kemudian ke Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Pakistan, Muhammad Shehbaz Sharif, yang menamatkan lawatan rasminya selama tiga hari ke Malaysia.